



KENYATAAN MEDIA

Bil. 19 / 2023

PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN / DEWAN NEGERI/ DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-15 (PRU DUN KE-15) BAGI NEGERI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU, PULAU PINANG, SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN SERTA PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.036 KUALA TERENGGANU

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **103,197 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRU DUN Ke-15 dan PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu. Pengeluaran kertas undi pos bermula pada **31 Julai 2023 (Isnin)** oleh Petugas Pilihan Raya di kesemua 245 Dewan Undangan/Dewan Negeri/Dewan Undangan Negeri dan satu (1) kawasan Parlimen.

2. Bagi PRU DUN Ke-15, sebanyak **102,070 kertas undi pos** telah dikeluarkan yang terdiri daripada **87,666 Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera,

dan Petugas Media), **7,972 undi pos bagi Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang berada di luar negara), **4,705 Kategori 1C** (Agenzi dan Organisasi) serta **1,727 Pengundi Tidak Hadir (PTH)** **Luar Negara.**

3. Manakala bagi PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu, sebanyak **1,127 kertas undi pos** dikeluarkan yang terdiri daripada **961 Kategori 1A, 77 undi pos bagi Kategori 1B, 71 Kategori 1C** dan **18 Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara.**
4. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran **ejen undi pos daripada semua calon yang bertanding.**
5. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisyiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum jam 5.00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **12 Ogos 2023 (Sabtu).**

6. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan undi masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menulkarkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

7 Ogos 2023 / 20 Muharam 1445H